

Headline	Perusahaan dobi perlu kelulusan, lesen dari ST		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	12	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	218 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,657
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,971



Perusahaan dobi perlu kelulusan, lesen dari ST

KUALA LUMPUR – Suruhanjaya Tenaga (ST) mengarahkan supaya semua perusahaan dobi di negara ini mendapatkan kelulusan dan lesen yang sah terlebih dahulu untuk menggunakan sistem paip gas berpusat terutamanya gas petroleum cecair (LPG) untuk beroperasi.

ST dalam satu kenyataan berkata, ia bagi memastikan pemasangan sistem perpaipan gas tersebut selamat untuk digunakan.

“Pada masa ini, kekurangan kesedaran terhadap undang-undang



Suruhanjaya Tenaga

dan pematuan piawai keselamatan yang berkaitan menyebabkan berlakunya kes kemalangan yang disebabkan oleh kebocoran gas.

“Kegagalan mendapatkan kelulusan dari ST adalah melanggar Akta Bekalan Gas 1993 dan Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah kenyataan itu lagi, kegagalan mematuhi Subseksyen 11(1) Akta Bekalan Gas 1993 juga boleh menyebabkan pengusaha terbabit dikenakan denda sehingga

RM100,000 atau dipenjarakan sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

“Mana-mana sistem perpaipan atau bahagiannya yang digunakan dalam melakukan kesalahan itu juga boleh dilucutkan hak.

“ST juga memberikan amaran bahawa premis dobi yang menggunakan sistem talian paip gas berpusat juga merupakan kawasan larangan merokok,” ujarinya.

Menurut kenyataan itu, ST menggesa orang ramai agar mematuhi amaran tersebut bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.



PENGUSAHA dobi di negara ini perlu mendapatkan kelulusan ST bagi menggunakan sistem paip berpusat terutamanya LPG untuk beroperasi. – Gambar hiasan